

RANCANGAN PERNIAGAAN

“GLOBAL FEED SDN. BHD.”

DISEDIAKAN UNTUK :

ENCIK AMRAN BIN AWANG
PENSYARAH ETR 300
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS

DISEDIAKAN OLEH :

MICHEAL AK. WILSON UNTING
96391784

MOHD. ZULKIFLY B. YUSOFF
96698422

ANIFAH BINTI BUNASIR
96252189

MARLIA BINTI MALNAN
96251175

AIDAYANI BINTI YATIM
96252196

KAJIAN SAINS GUNAAN

**KURSUS DIPLOMA KIMIA PERINDUSTRIAN
SEMESTER 5**

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

SURAT PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN	i
PENGHARGAAN	ii
PENDAHULUAN	1
LOGO SYARIKAT	2
PENGENALAN	4
TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN	5
LATAR BELAKANG SYARIKAT	6
LATAR BELAKANG LEMBAGA PENGARAH	7
RANCANGAN PENTADBIRAN	15
RANCANGAN PEMASARAN	28
RANCANGAN OPERASI	42
RANCANGAN KEWANGAN	54
RUMUSAN	73
LAMPIRAN	

Pengenalan

Syarikat kami, Global Feed Sdn. Bhd, terletak di daerah Kulim, kira-kira 90 km daripada bandar Alor Setar, Kedah. Kilang kami mengusahakan pembuatan dedak ayam daripada tangkai kosong kelapa sawit (TKKS). Syarikat kami adalah satu-satunya syarikat yang mengusahakan pembuatan dedak ayam di negeri Kedah. Ini merupakan produk terbaru untuk makanan ternakan ayam yang bermutu tinggi.

Penubuhan syarikat ini adalah menghasilkan produk yang bermutu di samping mengurangkan pembuangan sisa tangkai kosong kelapa sawit ke persekitaran. Produk ini merupakan satu alternatif lain untuk menangani masalah kegawatan ekonomi yang melanda sekarang ini, memandangkan sumber bahan mentah mudah didapati dan kos pengeluarannya yang rendah. Oleh kerana sumber utama bahan mentah diperolehi di Sungai Kob, Kulim Kedah, maka lokasi yang kami pilih ialah di kawasan ini juga. Ianya bukan sahaja berdekatan dengan kilang kelapa sawit, malahan kepadatan penduduk di sini mampu menyediakan tenaga kerja yang diperlukan.

Syarikat kami akan mula beroperasi pada bulan Januari 2001. Kami yakin produk kami mampu bersaing dengan pengusaha dedak ayam yang sedia ada di pasaran tempatan serta mampu menebusi pasaran antarabangsa.

Tujuan Rancangan Perniagaan

Syarikat ini ditubuhkan oleh rakan-rakan kongsi yang terdiri daripada bekas siswazah ITM yang mempunyai cita-cita dan harapan yang tinggi untuk berjaya dalam bidang perniagaan. Selain daripada itu, kami ingin membuktikan bahawa kami mampu untuk hidup berdikari di samping mengecapi kejayaan daripada usaha diri sendiri. Walaupun setiap orang daripada kami telah mempunyai pekerjaan tetap, namun disebabkan harapan yang tinggi kami bersepakat untuk bergabung tenaga berdasarkan kepada kebolehan kami untuk menjalankan projek ini. Tujuan utama penyediaan kertas kerja ini adalah untuk :

- 1) Memudahkan pihak Bank Pembangunan Industri untuk meneliti dan menganalisa bentuk perniagaan sebelum mendapatkan urusan pinjaman , khidmat nasihat dan petunjuk bagi memulakan perniagaan.
- 2) Bagi menambahkan keyakinan kepada semua pihak yang bakal menjadi pembekal dan pelanggan tentang kesungguhan kami untuk mengeluarkan barangan yang halal lagi bermutu dan seterusnya mendorong pengguna membeli barangan keluaran ini.
- 3) Bagi mengalakkan pembabitan individu, syarikat, industri-industri tempatan dan badan-badan bumiputra yang mempunyai hubungan dan kaitan dengan perusahaan dedak.

LATAR BELAKANG SYARIKAT

- Nama Syarikat** : Global Feed Sdn. Bhd.
- Alamat Syarikat** : Lot 25, Kawasan Perindustrian Kulim Hitech,
09450 Kulim, Kedah.
- Alamat surat menyurat** : sama seperti di atas
- No.Telefon** : 016-2326626
- No. Fax** : -
- Bentuk perniagaan** : Syarikat Sendirian Berhad
- Kegiatan Utama** : Mengeluar, membekal dan memasarkan Dedak Ayam
- Tarikh memulakan
Perniagaan** : Januari 2001
- Tarikh Pendaftaran** : (belum didaftarkan)
- No. Pendaftaran** : Tiada
- Modal Permulaan** : RM 800,000.00
- Nama Bank yang
Digunakan** : Bank Islam
- Jenis Akaun
Perniagaan** : Akaun semasa